

Headline	Lebih 100,000 kes HIV dikesan di Malaysia sejak 1986 Hamsan		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	05 Dec 2016	Color	Black/white
Section	Tempatan	Circulation	25,055
Page No	2	Readership	75,165
Language	Malay	ArticleSize	172 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 354
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,062



## Lebih 100,000 kes HIV dikesan di Malaysia sejak 1986: Hamsan

SANDAKAN: Lebih 100,000 kes jangkitan HIV dikesan sehingga 2015 sejak penyakit itu mula ditemukan di negara ini pada 1986.

Timbalan Presiden Majlis Perbandaran Sandakan (MPS), Hamsan Awang Supain berkata dalam tempoh 15 tahun, 90 peratus jangkitan adalah dalam kalangan lelaki.

"Manakala sekarang trendnya adalah dengan nisbah 4:1 iaitu dalam empat lelaki yang dijangkiti, terdapat seorang wanita dijangkiti terutama mereka kalangan suri rumah.

"Oleh itu, orang ramai perlu terus sentiasa berwasapada kerana jangkitan kes baru adalah dalam kalangan mereka yang masih muda iaitu antara 20 hingga 40 tahun," katanya, sambil menambah, virus AIDS merupakan 10 penyebab utama kematian golongan muda.

Hamsan berkata demikian ketika berucap merasmikan Sambutan Hari Aids Sedunia Makan Malam Gala Sandakan Aids Support Group (SAGA) di sini, Sabtu.

Hadir sama, Presiden SAGA Dr Zaiton Yakaya dan Pengerusi Kesihatan Awam MPS Lily Aw (JP).

Di Sabah, kata Hamsan, jangkitan HIV di Sabah masih rendah, bagaimanapun, bilangan kes baharu menunjukkan peningkatan.

"Sembilan puluh peratus jangkitan di

Sabah adalah melalui hubungan seksual dan 60 peratus kes positif dalam kalangan wanita," katanya, sambil menambah, Sandakan merupakan salah satu daripada tiga daerah jangkitan tertinggi di Sabah..

Hamsan menasihati semua pasangan suami isteri, ibu bapa termasuk belia agar menghindari gaya hidup tidak sihat.

"Kefahaman berkenaan HIV/AIDS sahaja tidak cukup. Sebaliknya, terus amalkan gaya hidup yang sihat dan hindari aktiviti-aktiviti negatif dan merosakkan diri sendiri," katanya.

Tema sambutan Hari AIDS Sedunia pada tahun ini adalah Teruskan Komitmen, Tingkatkan Usaha, Kukuhkan Pencegahan HIV.

Malam itu menyaksikan penganjuran tiga majlis iaitu sambutan Hari Aids Sedunia peringkat daerah, ulang tahun ke-8 SAGA dan majlis anugerah kepada sukarelawan dan ahli SAGA serta orang awam yang banyak berjasa kepada per-satuan itu.

Terdahulu, Zaiton merakam ucapan terima kasih kepada semua yang menjayakan majlis itu termasuk ahli dan sukarelawan SAGA, individu dan dermawan serta hadirin yang banyak membantunya sejak ia ditubuhkan lapan tahun lalu di daerah ini.

Ujarnya, SAGA akan terus berusaha memberi kesedaran kepada umum berkenaan HIV/AIDS. – **Mardinah Jikur**